

NEC inisiatif kerajaan cipta banyak peluang pekerjaan

Penubuhan sejajar hasrat pulihkan, rangsang ekonomi negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Majlis Pekerjaan Negara (NEC) akan merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan, selaras matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu 'Kesejahteraan Rakyat'.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan semalam, berkata NEC berperanan sebagai majlis tadbir urus tertinggi dalam penetapan dasar, pelaksanaan dan pemantauan strategi serta inisiatif kerajaan, khusus dalam mencapai sasaran mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan menangani isu pengangguran.

Kenyataan itu berkata, mesyuarat pertama NEC semalam, dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, secara maya.

Katanya, penubuhan NEC juga sejajar dengan hasrat kerajaan memastikan pemulihan dan rangsangan sektor ekonomi di Malaysia berjaya dilaksanakan dengan pendekatan menyeluruh, berpandukan data serta sepadan dengan permintaan industri semasa, selain mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat dan ketahanan ekonomi negara.

Pejabat Perdana Menteri berkata, NEC berperanan penting bukan saja bagi meneruskan momentum pemulihan ekonomi dan meningkatkan penciptaan pekerjaan, malah menangani isu lain yang berkaitan seperti kekura-

ngan pekerja di sektor tertentu, kesaksamaan peluang untuk golongan rentan serta penggajian.


"Majlis dipengerusikan Perdana Menteri itu selain dianggotai menteri berkaitan akan turut disertai wakil sektor swasta dan industri yang akan diumumkan kelak.

"NEC akan bermesyuarat sekerap mungkin mengikut keperluan semasa," katanya.

Selain Muhyiddin, NEC juga mempunyai Pengerusi Ganti iaitu Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan 11 menteri Kabinet sebagai Ahli Tetap.

Mereka ialah Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Radzi Jidin; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

NEC juga akan disokong Pasukan Petugas Peringkat Tinggi dipengerusikan KSN bertindak menyelaras lima Pasukan Petugas Khas peringkat jawatankuasa kerja iaitu Pasukan Petugas Khas Pendidikan Nasional; Pasukan Petugas Khas Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET); Pasukan Petugas Khas Sumber Manusia dan Keusahawanan; Pa-



Muhyiddin mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Pekerjaan Negara secara maya di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

sukan Petugas Khas Real Economy serta Pasukan Petugas Khas 'Deeptech' & 'Future Skills'.

Katanya, lima Pasukan Petugas Khas itu bertanggungjawab melaporkan status pelaksanaan di bawah kluster masing-masing kepada Pasukan Petugas Peringkat Tinggi secara bulanan.

Pada masa sama, Unit LAKSANA, Kementerian Kewangan akan bertindak selaku Sekretariat NEC dan memantau kemajuan pelaksanaan setiap program di bawah inisiatif NEC supaya lebih efektif berpandukan penilaian yang bersesuaian dari semasa ke semasa.

Warganegara yang terkesan atau sedang mencari pekerjaan boleh mula mendaftar di portal MyFutureJobs

<https://www.myfuture-jobs.gov.my/>.

"Portal ini berfungsi sebagai pusat sehati dan rujukan utama kepada rakyat bagi inisiatif berkaitan pekerjaan, termasuk program peningkatan kemahiran dan latihan semula.

"Dengan penubuhan NEC, Perdana Menteri yakin inisiatif penciptaan pekerjaan bermula tahun 2021 dan ke hadapan akan menjadi lebih terancang serta dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu dan berkesan.

"Usaha ini akan dipandu Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional yang akan dibangunkan kelak, bagi memacu Malaysia ke tahap lebih tinggi dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat," katanya.